

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

PDP 478 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan

Masa : [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan semuanya, SATU soalan dari tiap-tiap Bahagian

Bahagian A

1. (a) Huraikan fungsi kesusasteraan dalam sesebuah masyarakat.
[15 markah]
- (b) Bagaimana kesusasteraan berperanan di dalam pendidikan?
[10 markah]

ATAU

- (a) Kemukakan beberapa pendekatan mengajar kesusasteraan.
[15 markah]
- (b) Nyatakan kelemahan-kelemahan pendekatan mengajar yang diamalkan oleh kebanyakan guru sastera.
[10 markah]

Bahagian B

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan intensif, ekstensif dan bebas di dalam mengajar novel?
[15 markah]
- (b) Berdasarkan teks novel Salah Asuhan, tunjukkan satu rancangan kerja yang anda fikir sesuai untuk satu semester.
[10 markah]

...2/-

4. (a) Berdasarkan puisi yang dilampirkan (LAMPIRAN A), buat satu rancangan pelajaran yang akan disampaikan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 6 di sebuah sekolah menengah. [15 markah]
- (b) Apakah aktiviti-aktiviti lanjutan untuk membina minat pelajar terhadap puisi? [10 markah]

Bahagian C

5. (a) Nyatakan satu tajuk yang sesuai bagi mengajar cerpen Kejadian di Dalam Estet, seperti di LAMPIRAN B, dan kemukakan alasan anda. [5 markah]
- (b) Nyatakan beberapa objektif khas untuk mengajar tajuk tersebut dan perkaedahan yang difikirkan berkesan. [15 markah]
- (c) Kemukakan satu set induksi yang difikirkan boleh menimbulkan minat pelajar-pelajar. [5 markah]
6. Bincangkan beberapa kaedah mengajar drama yang mungkin dapat dilaksanakan di sebuah sekolah menengah atas. [25 markah]

Bahagian D

7. Apakah masalah-masalah yang wujud dalam pengajaran teks klasik? Pada pendapat anda bagaimana menangani masalah tersebut? [25 markah]

...2/-

8. Bincangkan peranan dan aktiviti-aktiviti Kelab Sastera sekolah di dalam membina minat dan pengetahuan pelajar terhadap kesusasteraan.

[25 markah]

- oooOooo -

Duri dan Api
[Catatan Pertama Pemogokan Utusan Melayu]

KAWAN-KAWANKU yang dikasihi
semalam kita bertemu kembali memadu
ketika matari tersangkut di bumbung Utusan
kita tidak menerima apa yang ada
yang dinyanyikan dari hati berani
dengan tangan erat pada keyakinan terpahat.

Lagu kita telah mulai terpancar
ah, anak-anak manisnya menjenguk keluar
di luar udara basah dalam matari bersinar
semua antara kita lagunya seluruh sedar.

Apakah ini derita diri dalam mimpi
atau kenyataan pahit menyepit
pada lena yang membunuh kehidupan manusia
sama-sama kita rangkul menguji diri.

Kawan-kawanku yang dikasihi
di belakang duri di depan api
kita tidak bisa undur lagi
duri dan api, tajam panasnya kita hadapi.

Semalam dan hari ini kita diukir sejarah
di mana air mata tidak akan menitik tumpah
sebab kebulatan ikrar tak akan berubah
apa saja kita tidak akan menyerah.

1961

(PDP 478)

LAMPIRAN B

Kejadian Di Dalam Estet

TIDAK ada kerja. Ke mana-mana pergi tidak ada kerja. Di Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Singapura, semuanya kosong. Di mana-mana mesti menunjukkan surat dari pejabat buruh.

Di Singapura untuk mencari pejabat buruh itu saja kena lima hari, untuk mendaftarkan nama kena dua hari—mencari dari satu meja ke satu meja, mana satu kerani yang boleh menerima pendaftaran. Dan setelah nama didaftarkan lalu mendapat satu surat pas maka untuk menunggu ada kerja kosong sampai sebulan belum juga ada.

Kerja kosong memang ada, tetapi yang sesuai dengan kepandaiannya itulah yang sukar.

Sudah nasib anak desa. Kepandaiannya hanya menghempas tulang urat secara tani, masuk golongan buruh tidak laku. Akhirnya balik ke desa bersedia-sedia mahu jadi Polis Khas. Polis Khas memang senantiasa terbuka bagi siapa saja.

Bertambah-tambah kuat hati Bedul untuk masuk Polis Khas kerana si Yam pun sekarang telah bekerja di estet di rumah Tuan Menejar, entah jadi apa wallahualam.

Mariam bagi Bedul ialah: matahari, bulan, bintang, langit, laut, angin, dunia dan segala-galanya; kalau tak ada Yam semua itu tak ada. Mati saja lebih bagus daripada hidup' merana. Ya, tidak ada Yam ertinya merana. Demikianlah hati Bedul.

Dia sebetulnya sateria sejati dalam percintaannya. Tetapi dia tidak boleh menyentuh kekasihnya, apalagi mengambil jadi isteri, kalau segala syarat adat dan agama belum dipenuhi.

Untuk belanja hangus seratus ringgit, belanja itu dan ini yang lain-lain termasuk beli pakaian sendiri tidak kurang seratus ringgit. Pendeknya dua ratus lima puluh ringgit mesti sedia sebelum . . . 'menerima aku akan nikahnya dengan mas kahwin sekian-sekian . . . '.

Menerima aku akan nikahnya—inilah yang jadi tujuan Bedul meninggalkan kampung melawat seluruh kota besar dari utara sampai ke selatan Tanah Melayu. Tetapi malang, jangankan ijab kabul dengan Yam, surat pas pejabat buruh pun terlalu sukar bagi Bedul memperolehnya.

Hilang sebentuk cincin ibunya digadaikan untuk belanja berjalan mencari kerja, dan hilang Yam dari kampung kerana telah pergi bekerja di rumah menejar estet, empat batu dari tempat tinggalnya.

Bedul macam Lebai Malang, ayam kalah kampung tergadai.

Dengan bantuan ketua kampung masuklah Bedul jadi mata-mata khas di estet. Lapang rasa dadanya. Pada hari pertama dia telah boleh berjumpa dengan Yam.

'Hairan, engkau tak balik-balik ke rumah selama bekerja di sini, Yam?' kata Bedul.

'Tuan tak kasi balik. Emak Yam pun sekarang sudah pindah ke mari,' jawab Yam.

'Emak engkau pun kerja sama Tuan?'

'Tidak, dia tidak kerja. Tetapi Yam dapat barang-barang makan: beras, mentega, susu, gula, ikan sardin, ubi kentang. Macam-macam lah makanan orang putih. Kami makan berdua tak habis. Nanti besok Yam beri susu dan mentega, boleh abang bawa balik.'

'Wah, engkau baik hati betul, Yam! Dengan apa akan kubalas budimu? Untunglah engkau sudah senang sekarang. Aku ini masih juga susah. Gaji cuma tujuh puluh ringgit sebulan. Pekerjaan bergadai nyawa.'

'Tetapi kalau pandai mengambil hati Tuan, tentu boleh senang. Tuan kita ini baik sangat hatinya. Kami yang bekerja di rumahnya dapat bilik masing-masing. Saya dengan emak tidak tinggal satu bilik. Saya dapat bilik di atas rumah dekat dengan bilik nyonya Cina yang jadi amah itu. Emak dapat sebuah bilik di bawah, di sebelah bilik drebar, tukang kebun dan lain-lain.'

'Jangan engkau suruh aku mengangkat-angkat orang. Aku tidak biasa,' kata Bedul sambil menyorong tarik pesawat senapangnya.

'Abang Bedul memang layak jadi mata-mata; hati abang pe-

marah, dan sifat abang berani,' kata Mariam malu-malu kucing. 'Yam bukan menyuruh abang mengangkat-angkat Tuan, tetapi Yam tahu betul mata-mata khas di sini, yang sudah-sudahnya, mana yang baik dengan Tuan semuanya senang dan mewah.'

'Aku senang di sini kalau kita boleh berjumpa selalu. Kalau tidak, di mana pun tidak senang.'

Buat pertama kali dalam hidupnya Bedul menerima badan perempuan dalam pelukannya, dan menerima pipi perempuan untuk dicium. Dan Yam bukan saja menyerahkan badannya dipeluk dan dicium tetapi membalas ciuman pada bibir Bedul.

Waktu Bedul telah tinggal seorang diri, ciuman dan kucupan di bibir itu menjadi fikirannya. Bagaimana Mariam boleh pandai berkucup macam orang putih . . . ? Alangkah lazatnya . . . !

Melayang-layanglah ingatan Bedul kepada cita-citanya hendak 'menerima aku akan nikahnya . . .'. Baru sekarang dia mendapat kepastian bahawa Mariam kasih kepadanya. Kalau dia mahu tentu Mariam sanggup dibawa lari, tidak usah melalui jalan adat istiadat yang beratus-ratus ringgit itu.

Kawan Bedul yang berjaga di pos seberang jalan itu tampak di dalam gelap-gelap samar terjerongkok di hadapan posnya. Pemuda itu tinggi kurus. Dia duduk mencangkung berpegang pada senapangnya begitu rupa sehingga lututnya lebih tinggi daripada bahunya, seperti tunggul kering bercabang tiga.

'Apa engkau buat, Mat?' kata Bedul melaung.

'Berpikir!' jawab cabang tiga itu tak bergerak.

'Wah, tunggul pun pandai berfikir!' seru Bedul.

Berpikir, berfikir, berfikir . . . perkataan itu lekat dalam kepala Bedul. Lama-lama dia pun lupa kembali kepada kawannya. Dia berfikir.

Yang difikirkannya tidak lain daripada Mariam. Berani anak gadis itu. Diserhkannya badannya bulat-bulat. Ceh! Bodoh aku. Bodoh betul . . . penakut engkau, Bedul! Adakah pernah anjing menolak tulang? Kenapa tidak engkau sampaikan hajatmu? Ceh! Bodoh! Penakut! Pengecut! Bodoh! Bodoh! Bodoh!

Stop!

Bedul terlambung dari tempat duduknya. Fikirannya pun *terstop* dan didengarnya Amat sedang melangkah maju ke dalam gelap sambil berkata, '*Stop!* Kalau bergerak kutembak! Siapa itu?'

Bedul mengikut dari belakang, berhati-hati dengan senapangnya.

'Bagus, bagus! Kamu orang jaga ini macam saya banyak suka.'

'Oh, Tuan? Saya ingat siapa,' kata Amat.

'Tuan Menejar rupanya yang disuruh *stop* oleh si Amat ini. Betullah tunggul dia,' fikir Bedul.

'Bedul ada di mana?' tanya orang putih itu lagi.

'Saya, Tuan,' Bedul menjawab suara tuannya sayup-sayup dari belakang mendului Amat.

'Bagus, bagus!'

Di jalan balik Amat bertanya:

'Engkau tahu, Bedul?'

'Apa?'

'Tuan Menejar tadi?'

'Tahu; apa pula tidak tahu Tuan Menejar?'

'Apa yang engkau tahu?'

'Tuan Menejar—engkau bertanyakan Tuan Menejar, bukan?'

'Ya, Tuan Menejar; dia berjalan berdua.'

'Itu aku tak tahu. Dengan siapa?'

'Dengan anak dara tukang cuci itu. Siapa namanya? Aku dengar dia anak kampung engkau.'

'Bohong! Gilakah engkau? Tuan Menejar berjalan dengan tukang cuci malam-malam hari, buat apa? Betullah engkau tunggul kering bercabang tiga.'

'Diamlah engkau! Mana engkau tahu hal dunia. Mata ini tadi yang menengok Tuan Menejar berjalan berpeluk pinggang dengan. . . siapa namanya? Anak dara itu?'

'Mata tunggul! Siapakah boleh percaya?'

* * *

Tunggul kering balik ke posnya dan Bedul balik ke posnya pula. Masing-masing dengan fikirannya sendiri.

'Mariam berjalan berpeluk pinggang dengan Tuan . . . ceh, tak malu! Tak pernah kudengar cerita macam ini . . .,' demikian Bedul berkhayal. Tangannya menyorong tarik pesawat senapangnya. Geram.

Barangkali bukan berpeluk pinggang, barangkali bukan Mariam, barangkali bukan, ya, bukan, memang bukan . . .

Bedul tidak sedikit pun dapat mempercayai temberang si tunggul malam yang lalu itu. Lebih-lebih lagi terkemudian ini beberapa kali

KEJADIAN DI DALAM ESTET

dia sendiri yang lebih dulu menyergah Tuan Menejar berjalan malam dan tidak pernah dia berjumpa Tuan itu berjalan berdua.

'Marilah kita kahwin, abang,' kata Mariam pada suatu perjumpaan dengannya. 'Yam tak sanggup lagi menunggu lama.'

'Bagaimana kita boleh kahwin, aku tidak ada wang.'

'Pinjam pada Tuan; nanti Yam tolong beritahu.'

Tak lama lepas itu sampailah hajat Bedul. Dia mendapat cuti seminggu. Mariam pun mendapat cuti seminggu. Mereka kahwin melalui adat istiadat dan agama.

'Aku terima nikahnya . . .,' kata Bedul di hadapan Tuan Kadi.

Ini semua adalah dengan pertolongan Mariam. Bedul dapat meminjam wang daripada Tuan sebanyak dua ratus ringgit.

Lepas seminggu balikkah mereka ke estet semula menjalankan pekerjaan masing-masing.

Pagi-pagi lepas minum kopi kedua-dua pengantin baru itu pergilah kepada pekerjaannya masing-masing. Tengah hari pulang makan. Ibu Mariam yang memasak. Dan nanti petang pulang pula bersama. Berbahagia.

Kalau Bedul bekerja malam, Mariam pun bekerja malam. Mariam sudah mendapat kebenaran dari tuannya mencuci kain dan menggosok kain baju di waktu malam kalau kebetulan Bedul pun bekerja malam supaya pada siang harinya mereka dapat berkumpul sama-sama tinggal di rumah. Bila telah habis kerja Mariam pergi mendapatkan Bedul di tempat jaga. 'Berbahaya,' kata Bedul melarang isterinya. 'Tidak. Kalau mati biar sama mati,' jawab isterinya yang setia itu. Sungguh berbahagia.

Suatu malam pukul satu, si Bedul bersedia-sedia menunggu kedatangan Mariam. Matanya menatap kegelapan malam di dalam pohon-pohon getah itu menghala ke rumah Tuan Menejar. Nanti kalau tampak lampu toclait, Mariamlah itu yang datang. Biasanya pukul dua belas dia sudah datang.

Tiba-tiba, tidak jauh dari hadapan membayang datang benda hitam bergerak-gerak. Diperhatikannya tepat-tepat dan tenang-tenang, maka nampaklah dua tubuh berjalan menuju posnya berpeluk-peluk pinggang. Disergahnya, lalu dihampirinya sambil mengacukan senapang.

Tuan . . . dan Mariam.

Hampir tidak percaya dia bahawa yang disergahnya itu ialah Tuan

dan Mariam. Ada sebentar dia terdiam. Fikirannya tiba-tiba menjadi beku, tidak tahu apa yang hendak dibuatnya. Setelah itu, setelah Tuan balik ke rumahnya dengan tidak mengucapkan sepatah perkataan pun dan Mariam datang kepadanya, barulah dia seolah-olah terbangun dari tidur. Dan tiba-tiba saja berlainan rasa hatinya. Ingin dia tadi menembak, menembak orang-orang yang disergahnya.

Berpeluk pinggang dengan Tuan. Apa maksudnya Tuan itu menghantarkan bininya padahal tiap-tiap malam sebelumnya tidak perlu dihantar? . . . Mengapa pula mesti berpeluk-peluk?

Teringat dia bagaimana cerita-cerita kuli kontrak di ladang-ladang teh dan tebu di Tanah Jawa dan di Medan menjadi mangsa tuan-tuan kebun, mana yang cantik dijadikan nyai (perempuan simpanan) untuk menyenangkan hati tuan besar, tidak kira bersuami atau tidak.

Teringat dia bagaimana Tuan Mencejar ini hidup scorangan, jauh dari bandar besar, jauh dari pergaulan dengan kaum bangsanya, jauh dari perempuan-perempuan dan dia sendiri tidak mempunyai isteri.

Teringat dia akan cerita-cerita Mariam sebelum kahwin dulu. Teringat dia akan perempuan Cina itu selalu naik motokar Tuan dan biliknya dekat bilik Tuan. Dia muda dan cantik.

Teringat dia akan bilik Mariam juga dekat bilik Tuan di sebelah bilik nyonya Cina itu. Dia tidak diberi tinggal sebilik dengan emaknya.

Teringat dia akan peristiwa mula berpeluk-pelukan dengan Mariam dulu. Mariam mengucup bibirnya macam orang putih. Siapa mengajar dia?

Macam orang gila Bedul mengacukan senapang kepada isterinya:

'Cakap terus terang, apa sudah kau buat dengan orang putih itu?'

Senyap. Tidak ada jawapan. Barangkali bukan saja hati Mariam, malah segala benda kecut mendengar tengking yang mengejut di tengah kesunyian gelap malam itu.

'Habis benak engkau aku tembak! Cakap!'

Si Yam menggeletar. Si Amat tunggul mati itu dengan serta-merta hilang sifat cabang tiganya.

'Sabar, Bedul, sabar. Apa sudah jadi?' katanya merayu-rayu.

'Tentang perkara ini tidak boleh sabar. Cakap, lekas! Kalau tidak benakmu kuhancurkan . . .', Bedul kelihatan bertambah gelap

mata, senapangnya diangkatnya. Di waktu itu terdengar letupan berturut-turut. Mariam tumbang macam batang pisang. Si Amat melompat merampas senapang Bedul . . . tetapi letupan itu terus juga macam bertih digoreng.

Tubuh Mariam diseret ke dalam pos lalu dibaringkan di sana. Letupan bertambah-tambah jadi. Rumah asap dan kilang getah kelihatan terang-benderang dimakan api. Dari rumah Menejar kelihatan kilat-kilat api senjata.

Musuh telah datang menyerang.

Kemalangan datang tidak dapat dikira-kira. Pertempuran berlaku setengah jam barulah bantuan polis datang. Musuh melarikan diri. Tetapi Tuan Menejar telah menjadi korban. Hancur benaknya dihentam peluru. Di keliling rumahnya beberapa orang musuh bergelimpangan menjadi korban juga.

Bedul patah tulang tangannya, masuk hospital, dan setelah keluar tidak dapat jadi Polis Khas lagi. Hidupnya menjadi sunyi kerana isterinya telah tidak bersama dia lagi. Mariam telah meninggal dunia. Yang menembaknya bukan Bedul tetapi musuh.

Si Amat tunggul mati bercabang tiga itu masih menjaga posnya. Dia tahan dan penuh semangat, tidak mudah dianjak dari tempatnya. Dia diam seperti tunggul tetapi di dalam kepalanya banyak cerita tentang sahabatnya Bedul, Mariam dan Tuan Menejanya.

Mastika, April 1950